

Uchapan ADHO  
439  
58/80

Guru Besar:  
Enche Peetham-  
darah.

Uchapan Y.B. Menteri Pelajaran  
Enche Hussein Onn di-upachara meresmikan  
Pembukaan Sekolah Sultan Abdul Samad (Sekolah Menengah  
Jenis  
Kebangsaan  
Inggeris)  
Petaling Jaya, Kuala Lumpur, pada  
27.5.71 pukul 4.00 petang.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima  
kaseh kepada Jemaah Pengurus Sekolah, Guru Besar,  
guru2 dan ibu2 bapa sekalian, kerana telah menjemput  
saya dan isteri saya hadir di-upachara peresmian  
Sekolah Sultan Abdul Samad, yang telah di-bena dengan  
perbelanjaan \$500,000.

Saya tertarek hati dengan uchapan Guru Besar  
yang menyatakan bahawa kemajuan penuntut2 di-sekolah  
ini, di-dalam peperiksaan MCE/SPM tahun lalu, adalah  
memuaskan dan demikian juga hal-nya dengan keputusan  
peperiksaan LCE/SRP. Namun demikian, saya perchaya  
penuntut2 yang ada hari ini boleh menambah dan membaiki  
lagi peratusan yang lulus di-dalam kedua2 peperiksaan,  
sekira-nya mereka menumpukan minat sepenoh-nya terhadap  
pelajaran masing2 dengan asohan dan tunjok ajar dan  
didekasi guru2 sekalian.

Kapada ibu2 bapa di-Petaling Jaya ini, saya berharap mereka akan menyokong segala usaha yang dijalankan oleh pihak sekolah ini, yang bertujuan untuk memberi pelajaran sachukup-nya kapada anak2 kita.

Kapada ibu bapa sukalah saya menegaskan bahawa pelajaran yang di-berikan di-Sekolah Sultan Abdul Samad ini ia-lah pelajaran ilmiah menengah. Pelajaran ini akan memberi peluang yang baik kapada anak2 kita untuk memperkembangkan lagi pelajaran mereka pada masa yang akan datang. Ibu bapa dan orang ramai hendaklah memberikan sokongan kapada murid2 dan guru2 kita di-sini.

*bahwa*

Saya di-fahamkan juga/penuntut2 di-sekolah ini seialu bertukar ka-sekolah2 yang lain. Ini oleh kerana ibu bapa mereka bertukar ka-tempat lain, atau pun sebab-nya tidak mahu anak2 mereka meneruskan pelajaran menengah di-sekolah ini. Perbuatan yang kedua ini saya fikir tidak-lah begitu baik oleh kerana kalau

sa-saorang kanak2 itu selalu bertukar sekolah maka pelajaran-nya terganggu dan ini mungkin akan menyebabkan ia mendapat keputusan pepereksaan yang tidak begitu baik. Tetapi kalau terpaksa bertukar ka-lain tempat di-sebabkan ibu bapa bertukar tempat bekerja, maka itu tidaklah dapat di-elakkan kerana keadaan memaksa, tetapi jangan-lah di-tukarkan anak2 itu dengan tujuan, konon-nya hendak menghantar ka-sabuah sekolah yang lebeh baik atau terkenal. Dalam hal ini, sukalah saya menegaskan bahawa adalah menjadi dasar Kementerian saya untok menempatkan guru2 yang terlateh dan baik di-semua sekolah. Oleh hal yang demikian pelajaran di-sekolah2 yang di-katakan lebeh baik itu adalah sama dengan pelajaran di-sekolah ini. Jadi, tidaklah ada faedah-nya anak2 kita itu di-tukar2-kan selalu.

Pada hari yang berbahagia ini, bersempena dengan pembukaan Sekolah Sultan Abdul Samad Petaling Jaya, sukalah saya mengumumkan bahawa Kementerian

saya pada tahun ini telah pun meluluskan satu peruntokan sebanyak \$1,794,000 untok berbagai projek di-tujuh belas buah sekolah rendah dan menengah di-seluruh negeri Selangor. Di-antara projek2 yang tersebut dalam peruntokan itu ialah pembenaan satu bangunan asrama tiga tingkat bagi menempatkan 150 orang murid2 lelaki dan satu lagi bangunan asrama dua tingkat untok 100 orang murid2 perempuan di-Sekolah Menengah Kebangsaan Aminuddin Baki, Kampong Pandan, Kuala Lumpur. Dan ini di-jangka menelan belanja sebanyak \$350,000.

Selain daripada itu, Kementarian saya juga akan membelanjakan wang yang banyak itu untok membena berpuluh2 buah bilek darjah, pejabat2 guru besar, kantin2 sekolah, bilek2 guru, setor, padang2 permainan, pagar sekolah dan lain2 kemudahan, untok pelajaran anak2 kita. Dengan ada-nya kemudahan ini di-sediakan dan di-berikan kapada sekolah2 dari satu masa ka-satu masa,

maka adalah menjadi harapan Kerajaan dan harapan Kementerian saya untuk melihat anak2 kita ramai yang melanjutkan pelajaran menengah mereka hingga-lah ka-perangkat yang lebih tinggi samada ka-Universiti2 tempatan atau pun ka-pusat2 pengajian tinggi yang lain. Dari sini nyatalah kepada kita semua bahawa,terbentang luas peluang anak2 kita untuk melanjutkan pelajaran mereka ka-tingkat yang paling tinggi, tetapi sukalah saya mengingatkan penuntut2 bahawa,tingkat ini tidak mudah di-chapai kalau mereka tidak belajar bersungguh2 dan juga tanpa bimbingan dan tunjok ajar daripada guru2 serta galakan daripada ibu bapa sekalian.

Pada hari ini juga sukalah saya menyeru pehak2 persendirian atau pun tuan2 punya kilang2 perusahaan di-sekitar kawasan Petaling Jaya ini, agar membantu sekolah ini dalam usaha-nya untuk mengurangkan kesulitan pelajar2 miskin yang memerlukan wang bantuan itu. Dengan berbuat demikian maka beban kerajaan dan sekolah ini

terhadap anak2 yang miskin ini, akan dapat kita rengangkan dan murid2 itu pula dapat belajar dengan baik dan harus akan berjaya dalam apa juga pepereksaan yang bakal mereka ambil. Kejayaan ini nanti bukan sahaja menguntongkan diri anak2 itu, malahan juga masharakat kita termasuk-lah badan2 persendirian yang berkehendakkan tenaga muda yang terpelajar dan mahir untok memajukan perusahaan2 negara kita ini.

Akhir kata, saya sekali lagi mengambil peluang ini menguchapkan tahniah di-atas usaha semua pihak di-sekolah ini yang menjayakan pembukaan resmi yang meriah pada petang ini. Kerana titek peloh semua yang berkenaan termasuk murid2, saya mengistiharkan hari Isnin 31hb. Mei, ini sebagai satu hari chuti tanpa rekod sekolah ini. Saya mengesa dan menyeru semua pihak yang berkenaan di-sekolah ini, termasuk-lah Ahli2 Jumaah Pengurus, guru2, ibu2 bapa dan pihak2 yang lain, supaya memberikan kerjasama mereka demi kemajuan pelajaran anak2 kita. Dengan ini dan dengan segala sukachita-nya saya meresmikan pembukaan Sekolah Sultan Abdul Samad, Petaling Jaya.

terhadap anak yang makin ini akan dapat kita rangan  
 dan murid itu pula dapat belajar dengan baik dan  
 harus akan berjaya dalam apa juga peperiksaan yang  
 bakal mereka amoli. Kejayaan ini nanti bukan sahaja  
 menguntungkan diri anak itu, malahan juga masyarakat  
 kita termasuk-lah badan persendirian yang berkehendakkan  
 tenaga muda yang terpelajar dan mahir untuk memajukan  
 perniagaan negara kita ini.

Akhir kata, saya sekali lagi mengamoi peluang

ini mengemukakan tahniah di atas usaha semua pihak  
 di-sekolah ini yang menjayakan pembukaan rasmi yang  
 meriah pada petang ini. Kerana titek peloh semua yang



berkenaan termasuk murid, saya mengistiharkan hari  
 31hb. Mei, ini sebagai satu hari cuti tanpa rekod  
 sekolah ini. Saya mengasa dan menyuruh semua pihak  
 yang berkenaan di-sekolah ini, termasuk-lah  
 jumlah pengurusan, guru, ibu bapa dan pihak yang lain,

36  
 No Siri .....  
 36/80  
 No Penerimaan .....

saya meremikan pembukaan Sekolah Sultan Abdul Samad,  
 Petaling Jaya.